

Tajuk : UNIMAS peroleh Geran KTP RM 455,661

4 ► SARAWAK

UNIMAS peroleh geran KTP RM455,661

Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) memperoleh geran Pemindahan Ilmu (KTP) sebanyak RM455,661 daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk membayai projek berkaitan komuniti dan industri di Sarawak bagi tempoh dua tahun.

Dalam kenyataan semalam, UNIMAS berkata penerima geran itu ialah Prof Dr Lau Seng, Prof Madya Dr Alvin Yeo dan Dr Wan Azlan Wan Zainal Abidin.

Lau akan menghasilkan sel bahan api untuk kenderaan bagi meningkatkan kadar penjimatan bahan api dan jejak karbon di Malaysia melalui program bersama Pro-Auto Care Centre Sdn Bhd; Yeo akan membangunkan e-dagang bagi pembinaan keupayaan untuk masyarakat Penan di Long Lamai, Baram; manakala Wan Azlan akan membagunkan sebuah stesen hidro mikro di Kampung Semulong Ulu, Sri Aman.

KTP dilancarkan secara rasmi Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pada 26 Jun tahun ini.

Menurut UNIMAS, objektif pemberian geran itu ialah bagi mengiktiraf dan menggalakkan pemindahan ilmu melalui pertukaran idea kreatif dan inovatif, dapatkan penyelidikan, pengalaman dan kemahiran antara institusi pengajian tinggi, industri, agensi kerajaan dan masyarakat umum.

Langkah itu akan merintis jalan kepada pembangunan dan penambahbaikan terhadap kualiti produk, perkhidmatan dan dasar untuk membolehkan manfaatnya dikongsi bersama pemegang kepentingan, termasuk golongan akademik, industri, masyarakat dan siswazah/pelatih program lepasan ijazah di Sarawak, kata kenyataan itu.

BERNAMA